

12 JAN 1999

Kadir-Tugas

MALAYSIA JADI CONTOH TIADA MOGOK SEMASA KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Malaysia menjadi contoh kepada negara lain kerana walaupun berlaku kemelesetan ekonomi, hampir tidak wujud langsung mogok oleh pekerja, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Hampir tidak ada negara yang tidak berlaku mogok. Tindakan industri seperti mogok ini jarang kita lihat di Malaysia", katanya pada majlis serah menyerah tugas Timbalan Menteri Sumber Manusia di kementerian itu hari ini.

Tugas Abdul Kadir sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia diambil alih oleh Datuk Dr Affifuddin Omar yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan.

Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Zainol Abidin Abd Rashid dan ketua-ketua jabatan turut hadir pada majlis itu.

Abdul Kadir berkata Kementerian Sumber Manusia mungkin tidak semasyhur kementerian lain tetapi prestasinya tetap membanggakan.

"Tak semasyhur kementerian lain tak bermakna tak berjaya. Kita dapat lihat jarang berlaku mogok ... senyap-senyap kita capai ini manakala organisasi lain Perkeso dan Jabatan Tenaga Manusia turut menjalankan fungsi dengan baik", katanya.

Abdul Kadir yakin pengalaman Dr Affifuddin di Kementerian Kewangan akan membantunya di Kementerian Sumber Manusia, terutama mendapatkan peruntukan bagi menjalankan lebih banyak program.

Mengenai tugas barunya di KDN, Abdul Kadir berkata beliau akan membantu Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdullah Ahmad Badawi mewujudkan pentadbiran yang lebih mesra kepada rakyat seperti yang diharapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini merupakan pengalaman baru kepada saya. Saya tidak sabar untuk melalui pengalaman baru itu", katanya.

Dr Affifuddin pula berkata berbanding kementerian kewangan yang lebih kepada pengagihan belanjawan, tugas barunya itu memberi peluang kepadanya untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan sumber manusia.

"Saya rasa bangga datang ke sini selepas tiga tahun di Kementerian Kewangan. Harap tugas baru ini memanfaatkan diri saya", katanya.

-- BERNAMA

AR AHH LAT